



MODUL PEMBELAJARAN ANTI-RASUAH



PENGENALAN

Kumpulan Fima Berhad & anak syarikatnya (“FIMA”) komited untuk menjalankan perniagaan secara beretika, telus dan berlandaskan undang-undang.

Polisi Anti-Rasuah FIMA (“Polisi”) ditubuhkan bagi memastikan pendirian & komitment FIMA terhadap semua bentuk rasuah.




FIMA

APA ITU RASUAH?

Memberi atau bersetuju untuk memberi, menjanjikan atau menawarkan atau menerima atau meminta atau bersetuju untuk menerima atau meminta suapan sebagai dorongan bagi mendapatkan balasan. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah, diskaun dan lain-lain.

**Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah
Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009)(Akta 694)**



BENTUK SUAPAN (RASUAH)



DAN LAIN-LAIN
(Seperti terkandung dalam Seksyen 3 Akta SPRM)





UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 694

AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH
MALAYSIA 2009



UNDANG-UNDANG ANTI RASUAH

- Undang-undang anti-rasua di Malaysia ialah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009) yang berkuatkuasa 1 Januari 2009
- SPRM adalah untuk membasi rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan di Malaysia dengan fungsi yang berdasarkan kepada prinsip Bebas, Telus dan Profesional dalam melaksanakan tugasnya

KESALAHAN RASUAH MENURUT AKTA SPRM 2009

Meminta dan menerima rasuah

- Seksyen 16 & 17 (a) Akta SPRM 2009

Menawar dan memberi rasuah

- Seksyen 17 (b) Akta SPRM 2009

Mengemukakan tuntutan palsu

- Seksyen 18 Akta SPRM 2009

Menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan

- Seksyen 16 & 17 (a) Akta SPRM 2009

Turut menjadi kesalahan adalah sebarang percubaan atau persubahatan untuk melakukan kesalahan-kesalahan tersebut



**UNDANG-UNDANG
MALAYSIA**

Akta 694

**AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH
MALAYSIA 2009**




SEKSYEN 17A, AKTA SPRM 2009 (PINDAAN 2018) – LIABILITI KORPORAT

- Dikuatkuasakan pada 1 Jun 2020
- Secara asasnya, menerusi Seksyen 17A Akta SPRM 2009 (Pindaan 2018), organisasi komersial juga mempunyai liabiliti dan boleh dihukum sekiranya pekerja atau pihak bersekutunya terlibat dengan jenayah rasuah
- Menggalakkan organisasi komersial mengambil langkah yang bersesuaian dan selari bagi memastikan perniagaan yang dijalankan tidak terlibat dalam aktiviti rasuah

IMPLIKASI AKTA SPRM 2009 (PINDAAN 2018) – LIABILITI KORPORAT

SEBELUM DIKUATKUASA

Pekerja FIMA menerima rasuah



FIMA tidak bertanggungjawab terhadap kesalahan tersebut

SELEPAS DIKUATKUASA

Pekerja FIMA didakwa dan disabitkan kesalahan memberi / menawarkan rasuah bagi mendapatkan kontrak untuk FIMA



Tiada ‘Adequate Procedures’ dilaksanakan




FIMA bertanggungjawab terhadap kesalahan tersebut

CONTOH SITUASI LIABILITI KORPORAT

CONTOH SITUASI

- FIMA berhasrat untuk mendapatkan satu tender dengan Syarikat A
- Pekerja B membuat keputusan untuk menghadiahkan seutas jam tangan mahal kepada pekerja Syarikat A, Mr C bagi memudahkan urusan mendapatkan tender tersebut



KESALAHAN DIBAWAH AKTA SPRM 2009

Pekerja B – Seksyen 17(b)-Menawar & memberi rasuah

Mr C – Seksyen 16 & 17 (a) – Meminta dan menerima rasuah

FIMA & Syarikat A

- Seksyen 17A (1) – Memberi atau menerima rasuah oleh orang Yang Bersekutu Dengan Organisasi Komersial


TATACARA MENCUKUPI (*ADEQUATE PROCEDURES*)

Sesebuah organisasi komersial boleh membela diri jika dapat menunjukkan bahawa organisasi tersebut mempunyai 'tatacara mencukupi' yang telah dilaksanakan bagi mencegah berlakunya rasuah dalam operasi atau aktiviti perniagaan mereka

T
R
U
S
T

5 PRINSIP UTAMA

- Top level commitment
- Risk assessment
- Undertaking of control measures
- Systematic review, monitoring and enforcement
- Training and communication



[Garis Panduan Tatacara Mencukupi](http://jpm.gov.my)
[| Pusat Governans, Integriti & Anti](http://jpm.gov.my)
[Rasuah Nasional \(jpm.gov.my\)](http://jpm.gov.my) 

HUKUMAN DI BAWAH AKTA SPRM 2009



Seksyen
16,17 & 21

Seksyen
17A (2)

Penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda nilai rasuah atau **RM10,000** yang mana lebih tinggi.

Penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 10 kali ganda nilai rasuah atau **RM1,000,000** yang mana lebih tinggi atau kedua-duanya sekali.

FIMA MENGAMBIL PENDIRIAN TOLERANSI SIFAR TERHADAP RASUAH

TUJUAN POLISI

Menggariskan kesalahan rasuah yang ditegah oleh undang-undang dan peraturan serta memberi kefahaman dan rujukan mengenai kesalahan-kesalahan tersebut.

PEMAKAIAN POLISI

- Pekerja FIMA
- Ahli Lembaga Pengarah FIMA
- Pihak berkepentingan dalam FIMA
- Rakan Perniagaan FIMA

Kandungan Polisi

- Pendirian FIMA terhadap anti-rasuah
- Peraturan hadiah, hiburan & hospitaliti
- Peraturan pejalanan pihak ketiga
- Peraturan bayaran fasilitasi
- Peraturan sumbangan dan tajaan
- Peraturan ganjaran perniagaan, rebat, komisen atau insentif lain
- Peraturan urusan perniagaan dengan pihak ketiga
- Lapor perlanggaran Polisi

- Warga FIMA adalah **SANGAT TIDAK DIGALAKKAN** untuk memberi atau menerima hadiah, hiburan atau hospitaliti daripada mana-mana pihak yang berurusan dengan FIMA.
- Pemberian hadiah, hiburan atau hospitaliti bagi tujuan keraian, pemasaran dan perhubungan awam boleh diterima **sekiranya berpandukan pada etika yang betul.**

HADIAH, HIBURAN & HOSPITALITI

PERJALANAN PIHAK KETIGA

- Perbelanjaan termasuk tiket perjalanan, makanan dan minuman serta tempat penginapan bagi tujuan bisnes yang sah kepada rakan niaga FIMA dan sebaliknya adalah **DIBENARKAN**.

Contoh: Audit atau lawatan ke anak syarikat.

- Sebarang bentuk perjalanan pihak ketiga yang berlebihan dan menimbulkan risiko rasuah adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

- Pengarah, Pekerja atau Pembekal Perkidaan untuk FIMA adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk membuat atau menerima sebarang bayaran fasilitasi.
- Pengecualian diberikan sekiranya terdapat ancaman dimana bayaran perlu dibuat demi keselamatan diri. Sekiranya berlaku, Pekerja harus melaporkan dengan segera kepada ketua jabatan.

BAYARAN FASILITASI

SUMBANGAN DAN TAJAAN

- Sumbangan dan sumbangan amal yang dibuat oleh FIMA haruslah dibuat tanpa niat untuk merasuh atau yang boleh mempengaruhi sebarang keputusan yang berkaitan dengan perniagaan.
- Ianya mesti dibuat sesuai dengan had persetujuan yang ditetapkan didalam had kuasa FIMA.
- Tidak boleh memberi sumbangan sekiranya untuk memperoleh atau telah memperoleh lesen atau persetujuan dalam masa 6 bulan akan datang atau 6 bulan selepas.

- Semua urusan dengan pihak ketiga haruslah dilaksanakan berdasarkan prosedur ditetapkan oleh FIMA melalui ‘due diligence checks’ bagi menghindari sebarang unsur rasuah.

URUSAN PERNIAGAAN DENGAN PIHAK KETIGA

MELAPOR DAN MERAKAM

- Semua transaksi oleh FIMA dan Pembekal Perkhidmatan haruslah mempunyai rekod yang tepat, lengkap dan disimpan sebagai bukti transaksi dibuat adalah bona fide dan tanpa sebarang unsur rasuah. (akaun, invois, rekod, dokumen dan lain-lain).

- FIMA tidak memberikan ganjaran perniagaan, rebat, komisen atau apa-apa insentif yang boleh dipersoalkan atau yang berlawanan dengan undang-undang anti-rasuah.
- Insentif berkaitan perniagaan dengan FIMA mesti memenuhi terma-terma berikut:-
 - (1) merupakan sebahagian daripada insentif perniagaan yang diberi oleh pihak pembekal dan mesti direkodkan; dan
 - (2) insentif yang disediakan kepada semua pihak yang mencapai sasaran/ parameter untuk sesuatu urusniaga. Contohnya, diberi pada semua pelanggan atau pelanggan yang melebihi sasaran urusniaga yang ditetapkan.

GANJARAN PERNIAGAAN, REBAT, KOMISEN, ATAU INSENTIF LAIN

DEKLARASI INTEGRITI

Semua warga FIMA diwajibkan untuk mengisi borang Deklarasi Integriti iaitu merupakan akuanji terhadap pematuhan sepenuhnya undang-undang dan peraturan-peraturan termasuk kesemua polisi, garis panduan dan prosedur FIMA serta memberi deklarasi jika mempunyai konflik yang bertentangan dengan kepentingan FIMA



Borang-borang ini boleh diakses di:
<http://www.fima.com.my/service-provider.html>

Semua kontraktor, pembekal, pelanggan, ejen atau pihak-pihak yang berurusan dengan FIMA diwajibkan untuk mengisi borang “Third Party Integrity Declaration” – akuanji terhadap pematuhan sepenuhnya undang-undang dan peraturan-peraturan termasuk kesemua polisi, garis panduan dan prosedur FIMA serta memberi deklarasi jika mempunyai konflik yang bertentangan dengan kepentingan FIMA.

ADAKAH ANDA DILINDUNGI?



Polisi ini bertujuan menyediakan saluran kepada semua warga FIMA, pihak ketiga ataupun orang awam untuk mendedahkan sebarang kelakuan yang tidak wajar.

Mereka ini akan dilindungi dibawah akta-akta berikut:



Seksyen 65,
Akta SPRM 2009



Akta Perlindungan
Pemberi Maklumat
2010



Akta Perlindungan
Saksi 2009

PERANAN DAN TINDAKAN WARGA FIMA

JANGAN MINTA ATAU MEMBUAT TAWARAN/JANJI

ANTI
RASUAH



Dilarang meminta
atau menerima apa-
apa bentuk suapan



Dilarang menawarkan
atau menjanjikan pihak
ketiga apa-apa bentuk
suapan

ANTI
RASUAH

TOLAK



Menolak apa-apa
tawaran atau
pemberian rasuah



Pemberian dan penerimaan
hadiah tidak dilarang
sekiranya mematuhi garis
panduan FIMA



LAPOR

ANTI
RASUAH



ANTI
RASUAH

Melaporkan apa-apa perlakuan rasuah,
konflik kepentingan, pelanggaran
tatalaku atau integriti dengan segera
kepada penyelia/HOD

LAPOR PERLAKUAN RASUAH

Laporkan kepada Pegawai Kanan atau Penyelia

Laporkan kepada Pengarah Urusan Kumpulan

Laporkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Audit & Risiko

Emel : whistleblowing@fima.com.my
Alamat: Mark: Strictly Confidential
Kumpulan Fima Berhad
Suite 4.1, Level 4, Block C
Plaza Damansara
No. 45, Jalan Medan Setia 1
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur

Perhatian kepada:
Pengarah Urusan Kumpulan

Emel : ac_chairman@fima.com.my
Alamat: Mark: Strictly Confidential
Kumpulan Fima Berhad
Suite 4.1, Level 4, Block C
Plaza Damansara
No. 45, Jalan Medan Setia 1
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur

Perhatian kepada:
Pengerusi Jawatankuasa Audit & Risiko

TERIMA KASIH